

11.6.2022

Kenyataan Media

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA

CEO, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) dan PBA Holdings Bhd (PBAHB).

## **MAKMAL PUSAT PBAPP YANG MENANGI ANUGERAH RANCANG KOMERSIALKAN PERKHIDMATAN**

PULAU PINANG, Sabtu, 11.6.2022: Makmal Pusat Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), yang terletak di Loji Rawatan Air Sungai Dua di Pulau Pinang, merancang untuk memasarkan perkhidmatan ujian air mereka kepada pelanggan luar.

Dengan pasukan 12 kakitangan yang diketuai oleh 2 ahli kimia, makmal ini telah memenangi 5 “Anugerah Kecemerlangan IKM” berturut-turut daripada Institut Kimia Malaysia (IKM), dalam tempoh 2017 – 2021. Anugerah ini mengiktiraf pencapaiannya dalam bidang ujian air (air mentah, air terenap dan air terawat).

Operasi makmal diakreditasi mengikut piawaian MS ISO/IEC 17025:2017 untuk makmal ujian dan penentukuran, merangkumi parameter ujian lanjutan seperti warna sebenar, kekonduksian, kealkalian, kandungan oksigen terlarut, permintaan oksigen biokimia, logam berat, racun perosak, racun herba, jumlah pepejal terampai dan jumlah karbon organik.

Peralatan canggihnya termasuk:

- *Inductively-coupled plasma optical emission spectrometer (ICPOES);*
- *Ultraviolet-visible (UV-VIS) spectrophotometer;* dan
- *Total organic carbon (TOC) analyser.*

### **Menguji air terawat Pulau Pinang**

Makmal ini telah menguji air mentah dan air terawat secara berkala di Pulau Pinang, mengikut set parameter komprehensif yang ditetapkan dalam program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Keputusan ujian 2021 menunjukkan air terawat yang dihasilkan PBAPP di Pulau Pinang terus mematuhi KMAM. Dalam konteks ini, makmal ini mengesahkan bahawa air terawat Pulau Pinang adalah antara yang paling bersih, paling selamat dan paling sihat di Malaysia.

## **Menguji air untuk pelanggan luar**

Makmal Pusat PBAPP sedang berusaha untuk menerokai ujian air terawat di luar Pulau Pinang. Ia mempunyai “kapasiti”, kepakaran, dan instrumentasi untuk menyediakan perkhidmatan ujian air termaju kepada kumpulan pelanggan yang berikut di seluruh Malaysia:

- Operator air dan agensi utiliti awam yang berhasrat menguji sumber air mentah baharu, mengesahkan keselamatan air awam dan memastikan pematuhan kepada keperluan KKM;
- Pengeluar berteknologi tinggi yang memerlukan ujian kualiti air yang terperinci dan khusus untuk membolehkan proses pembuatan termaju sensitif air;
- Jabatan dan/atau agensi kerajaan yang memerlukan data utama tentang sampel air yang dikumpul daripada sungai, anak sungai, tasik, empangan dan infrastruktur bekalan air;
- Universiti dan kumpulan penyelidikan;
- Pengilang makanan dan minuman;
- Hasil pertanian dan usaha niaga berasaskan akuakultur; dan
- Perbadanan, syarikat atau pihak berkuasa yang menguruskan taman tema air, padang golf, taman tasik, kolam memancing dan kolam renang.

Bakal pelanggan yang ingin menyemak portfolio penuh perkhidmatan ujian air yang tersedia daripada Makmal Pusat PBAPP hendaklah menghubungi:

Nama : Encik Naresh a/l Phubalan  
Email : [nareshp@pba.com.my](mailto:nareshp@pba.com.my)

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



**10.6.2022 :**  
**PENANG CHIEF MINISTER YAB TUAN CHOW KON YEOW AT PBAPP'S CENTRAL LABORATORY**

